



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
26 JULAI 2017 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- | | |
|--|----|
| - Roboh gerai: peniaga mahu segera jawapan hitam putih | 30 |
|--|----|

Harian Metro

- | | |
|---------------------|----|
| - Rangka koyak pipi | 42 |
|---------------------|----|




MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
26 JULAI 2017 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Roboh gerai: peniaga mahu segera jawapan hitam putih
Muka Surat	30

um 26/7/17 ms 30.

Roboh gerai: Peniaga mahu segera jawapan hitam putih



AMPANG 25 Julai – Pejabat Daerah dan Tanah Gombak diminta segera memberikan jawapan hitam putih berhubung isu arahan pengosongan 37 premis setinggan di selektor persimpangan Kampung Selamat, Ukay Perdana, Hulu Kelang, di sini.

Peniaga bala mewakil peniaga sekitar, Mohamad Nazlee Aziz Yeop dan Ahmad Junaidi, mengatakan langkah ini untuk memenuhi arahan itu selari dengan keputusan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kelang, Saari Sungib bahawa gerai itu tidak akan dirobohkan.

"ADUN ini telah mengadakan perjumpaan dengan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dan bersamaan bawanya menjadi dasar kerajaan negeri untuk tidak memindahkan kedai setinggan sehingga tapak pemindahan baru disediakan."

"Beliau (Shaari Sungib) juga akan usahakan satu tempat pemindahan baru dan memberikan pampasan yang munasabah kepada peniaga daripada pemaju projek," katanya dalam sidang akhir yang turut dihadiri Pengurus Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan IMalaysia (NGOIM), Mohamad Nazlee Aziz Yeop.

Kamarudin berkata, berdasarkan kenyataan Saari itu, ia dianggap sebagai satu pengakuan daripada kerajaan negeri Selangor.

"Oleh itu kita minta jasa baik agensi terlibat untuk beri satu pengakuan bawahan notis-notis untuk perobohan dibatalkan. Mesti ada jawapan."

DIREKTAN gerai setinggan yang didakwa bakal diroboh bagi memberi laluan kepada pembinaan Lebuhraya Lembah Klang Timur.



KAMARUDIN AHMAD (tengah) bersama Mohamad Nazlee Aziz Yeop (kanan) pada sidang akhir berhubung isu perobohan gerai selektor persimpangan Kampung Selamat, Ukay Perdana, Hulu Kelang, Selangor, baru-baru ini.

"Peniaga-peniaga tidak mahu mereka merasa dirobohkan secara tiba-tiba. Jika ada satu jalan penyelesaian, kita tidak mahu bawa kes ini ke mahkamah."

"Setakat ini tiada surat hitam putih daripada pihak berkenaan sedangkan Saari mengatakan premis ini tidak akan dirobohkan," jelasnya.

Katanya lagi, pihaknya telah menghantar surat kepada agensi tersebut untuk mendapatkan jawapan lanjut namun sehingga kini masih belum menerima sebarang reaksi.

Ibu berkenaan timbul selepas Pejabat Daerah dan Tanah Gombak mengeluarkan arahan arahan pengosongan gerai pada 20 Jun lalu bagi memberi laluan kepada pembinaan Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE).

Berdasarkan nota tersebut, peniaga premis di kawasan rizab jalan Jabatan Kerja Raya (JKR) itu diberikan peluang untuk berniaga selama 26 tahun di atas tanah milik kerajaan bermula 1991 hingga 2017.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
26 JULAI 2017 (RABU)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Rangka koyak pipi
Muka Surat	42

42 | setempat 26-07-2017 A HN 26/7/17 115 42.

Rangka koyak pipi

■ Remaja terima enam jahitan jatuh di papan tanda tercabut

Nurul Hidayah Bahaudin
nurulhidayah@hmetro.com.my

Ampang

P erbuatan tidak bertanggungjawab individu tertentu yang mencabut papan tanda di Taman Bukit Teratai, di sini, mengakibatkan seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun cedera di pipi.

Pada kejadian jam 5 petang, Jumat lalu, mangsa menerima enam jahitan selepas pipinya luka akibat terjatuh berhampiran rangka papan tanda yang dicabut.

Setiausaha Jawatankuasa Penduduk Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Mohd Firdaus Babu berkata,

FAKTA
Warga asing dipercayai jadi dalam kegiatan vandalisme

MOHD Firdaus (tengah) menunjukkan papan tanda yang hilang.

kegiatan vandalisme yang dipercayai didalangi warga asing di sekitar kawasan itu dikesan sejak beberapa bulan lalu.

"Kawasan rekreasi di situ baru saja dibatik pulih awal tahun ini oleh pihak berkuasa. Namun kegiatan warga asing yang mengutip bahan terpakai di lokasi se-

kitar menyebabkan kawasan ini kotor, malah mereka turut terhabit dengan vandalisme.

"Kumpulan warga asing itu sering dilihat mengutip bahan terpakai terdiri daripada besi dan aluminium. Kami percaya papan tanda yang diperbuat daripada aluminium itu diambil mereka berdasarkan keadaan

rangkanya yang masih elok," katanya.

Mohd Firdaus berkata, rangka papan tanda itu dihasilkan daripada besi mahal bucunya yang tajam pasti membahayakan kanak-kanak yang bermain di lokasi berkenaan.

"Itu yang terjadi apabila kanak-kanak selaku cedera di pipi selepas terjatuh ketika bermain di taman permainan bersama rakanannya.

"Penduduk di taman perumahan ini mengemukakan masalah itu kepada MPAJ untuk tindakan susulan."

"Penduduk turut memohon MPAJ menutup kawasan itu sementara waktu bagi membolehkan papan tanda dibalik," katanya.

Menurut beliau, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) turut diminta melakukan rondaan di kawasan sekitar bagi membendung kegiatan vandalisme.